

30/10/2000

Tanah jerlus: ATM terlalu berahsia

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

KEJADIAN tanah jerlus di Kem Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD), di Oran, dekat Kangar yang menyebabkan sekurang-kurangnya dua bangunan musnah berlaku petang Sabtu pada 14 Oktober lalu.

Media mula mengetahui mengenainya keesokan harinya, tetapi kerana tidak ada maklumat jelas ia tidak boleh disiarkan. Pada hari Isnin, baru sedikit maklumat diperolehi hasil daya usaha media daripada beberapa sumber.

Pada hari Selasa pendedahan disiarkan oleh Berita Harian mengenai kejadian yang mengejutkan itu. Malangnya, laporan itu tidak terperinci kerana tidak ada maklumat rasmi sama ada daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kementerian Pertahanan atau Kerajaan Perlis.

Akibatnya, wartawan yang membuat liputan di tempat kejadian hanya mampu membuat laporan berdasarkan sumber dan maklumat tidak rasmi yang diperolehi daripada pihak tertentu.

Malah, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim yang ditemui pada pagi Isnin ketika keluar dari kem berkenaan juga enggan mengulas, sebaliknya hanya mengesahkan 'sesuatu berlaku' dan perlu memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terlebih dulu.

Wartawan yang mendapat maklumat daripada Shahidan terkejut kerana menjangka sesuatu yang besar mengenai ancaman keselamatan terhadap negara mungkin berlaku di kem berkenaan.

Panglima 2 Divisyen Rejimen Askar Melayu diraja (RAMD), Mej Jeneral Datuk Khairuddin Mat Yusof pula hanya memberikan isyarat tangan kepada wartawan dari dalam keretanya sebagai tanda enggan mengulas ketika keluar dari kem berkenaan pada hari yang sama.

Berikutan itu, pihak media terus berusaha mendapatkan maklumat lanjut, termasuk daripada Kementerian Pertahanan hinggalah disahkan kejadian tanah jerlus berlaku.

Tengku Sharifuddin, Setiausaha Akhbar Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib ketika dihubungi bagi meminta bantuan supaya media diberi maklumat terperinci berhubung kejadian juga tidak dapat membantu.

Malah, menurutnya, Najib dihubungi Shahidan bagi meminta kebenaran membuat kenyataan akhbar kepada pihak media mengenai kejadian itu dan berikutan itu Shahidan membuat kenyataan akhbar pada hari berita itu didedahkan.

Bagaimanapun, usaha pihak media untuk memasuki kem bagi meninjau kawasan kejadian untuk mendapatkan gambaran lebih jelas tidak dapat berbuat demikian.

Alasan yang diberikan ialah tidak mendapat kebenaran daripada pihak Kementerian Pertahanan. Walaupun, kebenaran sudah diperolehi, tetapi pihak kem Oran masih enggan memberi kebenaran.

Malah, surat yang ditandatangani Shahidan yang dikirim menerusi seorang pegawai Jabatan Penerangan dan Penyiaran meminta kerjasama kem memberi kebenaran kepada media masuk tidak mampu mengubah ketegasan ATM.

Seorang pegawai di kem berkenaan yang dikenali sebagai Kapten Omar memaklumkan walaupun bahagian Perhubungan Raya Kementerian Pertahanan memberikan kebenaran, pihaknya tidak boleh membenarkan wartawan memasuki kem.

Katanya, bahagian Risek 5 yang mempunyai kuasa berhubung perkara itu juga tidak memberikan kebenaran kerana dikatakan tidak memperolehi arahan daripada pihak atasan.

Berdasarkan pengalaman, kita musykil setakat mana ketelusan Kementerian

Pertahanan dalam memberikan maklumat kepada orang ramai. Masalah mendapatkan maklumat tidak sepatutnya berlaku kerana kejadian itu bukan membabitkan ancaman keselamatan negara.

Kenapa sidang akhbar hanya diadakan pada Rabu, iaitu empat hari selepas kejadian oleh Khairuddin dan Pengarah Kajibumi Semenanjung, Yunus Abdul Razak.

Yang menghairankan mengapa pihak kementerian terlalu `berahsia'. Kenapa selepas empat hari kejadian baru mengeluarkan kenyataan rasmi.

Berikutan sikap berahsia maklumat yang agak mengejutkan ini, pihak media tertanya-tanya apakah amalan sebenar kementerian mahupun ATM dalam mengamalkan konsep ketelusan bagi menyampaikan maklumat kepada orang ramai.

Atau adakah sikap berahsia walaupun bukan membabitkan ancaman kepada keselamatan negara akan terus menjadi amalan Kementerian Pertahanan dan ATM.

Pada masa yang sama kita tetap mengucapkan terima kasih kepada ATM kerana membenarkan wakil media memasuki kem walaupun empat hari selepas kejadian.

Bagaimanapun, kita kurang bersetuju dengan penjelasan Khairuddin pada hari sidang akhbar bahawa keselamatan wakil media menjadi punca ATM tidak membenarkan wartawan dan jurugambar memasuki kem.

(END)